



Asas Pemikiran Falsafah

Asas Pemikiran Falsafah

HABIBAH ARTINI RAMLIE

PUSAT E-PEMBELAJARAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU



Asas Pemikiran Falsafah Copyright © by Habibah Artini Ramlie is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License, except where otherwise noted.

eISBN

Pusat e-Pembelajaran makes no representation – express or implied, with regard to the accuracy of information contained in this book. Users of the information in this book need to verify it on their own before utilizing such information. Views expressed in this publication are those of the author(s) and do not necessarily reflect the opinion or policy of Universiti Malaysia Sabah. Some diagrams were beyond the control of the proofreaders and ebook editors to amend. Pusat e-Pembelajaran shall not be responsible or liable for any special consequential, or exemplary problems or damages resulting in whole or part, from the reader's use of, or reliance upon, the contents of this book.

Acknowledgments

This publication is made possible with the support of the Commonwealth of Learning, Canada and Pusat e-Pembelajaran Universiti Malaysia Sabah.

Published by

Pusat e-Pembelajaran,
Aras 5, Blok B, Bangunan Fakulti Komputeran Informatik,
Universiti Malaysia Sabah,
88400 Jalan UMS, Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

Tel: 088-320 000 (207802)

Email: cel@ums.edu.my

Contents

Pengenalan	1
Part I. Objektif Pembelajaran	
Part II. Pengenalan Kepada Falsafah	
1. Maksud Falsafah	7
2. Konsep Falsafah	9
3. Rumusan	11
Part III. Perkembangan Falsafah	
4. Perkembangan Bidang Falsafah	15
5. Sejarah Falsafah	17
6. Rumusan	20
Part IV. Logik	
7. Maksud dan Konsep Logik	23
8. Konsep Hujah	24
9. Penghujahan dalam Logik	25
10. Keesahan dalam Logik	27
11. Rumusan	28

Part V. Metafizik

12. Konsep Metafizik	31
13. Teori Kewujudan dalam Metafizik	33
14. Sistem Metafizik Berkaitan Fahaman Keagamaan	34
15. Penghujahan Menyokong Kewujudan dan Ketidakwujudan Tuhan	36
16. Rumusan	39

Part VI. Epistemologi

17. Konsep Epistemologi	43
18. Syarat-syarat Epistemologi	44
19. Teori-teori Epistemologi	46
20. Rumusan	50

Part VII. Etika

21. Maksud Etika	53
22. Konsep Etika Dalam Kehidupan	54
23. Rumusan	56

Part VIII. Politik

24. Konsep Politik	59
25. Perkembangan Ideologi Falsafah dalam Politik	61
26. Rumusan	63

Part IX. Penutup

27. Rumusan	67
-------------	----

Glosari	69
Bibliografi	70

Pengenalan

Falsafah mendorong manusia untuk merenung dan menggunakan akal dalam memahami hakikat kehidupan serta persoalan mendalam mengenai realiti, pengetahuan, moral dan kewujudan. Ia memainkan peranan penting dalam membantu manusia merenung tujuan dan nilai-nilai hidup, membuat keputusan yang bermakna serta memahami dunia dengan lebih mendalam. Buku ini membincangkan tentang konsep falsafah serta asas-asas pemikiran dalam bidang falsafah seperti **Logik**, **Metafizik**, **Epistemologi**, **Etika** dan **Politik**.

PART I

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Objektif Pembelajaran

Setelah mengikuti kandungan buku teks ini, anda akan dapat :

- menjelaskan konsep falsafah
- menyatakan sejarah perkembangan falsafah
- menerangkan asas-asas pemikiran dalam falsafah

PART I

PENGENALAN KEPADA

FALSAFAH

Objektif Pembelajaran

Pada akhir penulisan ini, anda akan dapat :

- menjelaskan maksud falsafah
- menerangkan konsep falsafah
- merumuskan konsep falsafah secara umum

membantu kita merenung tujuan dan nilai-nilai kita. Ia merangsang pemikiran kritikal, membolehkan kita membuat keputusan bermakna, dan memahami dunia dengan lebih khusus.

Dalam erti kata lain, falsafah membantu manusia agar merenung dan memahami sesuatu seterusnya membina asas untuk ilmu pengetahuan serta etika yang baik. Menerusi falsafah, kita dapat mengejar kebijaksanaan, bertindak secara bermakna, dan menjalani kehidupan yang lebih bertimbangrasa. Justeru, keperluan kepada falsafah adalah menjadi kepentingan kepada manusia sepertimana di dalam Islam, kita dituntut menggunakan akal untuk berfikir. Walaupun ia mungkin tidak terlibat dalam kehidupan harian semua orang namun ia memberi arah dan makna kepada pengalaman kita.

Ikuti video pendek berkaitan maksud dan konsep falsafah yang dihasilkan oleh *Purana School* (<http://www.youtube.com/@puranaschool3220>) sebagai satu pertubuhan yang dibangunkan bagi tujuan menyuburkan falsafah di Malaysia.



One or more interactive elements has been excluded from this version of the text. You can view them online

here: <https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=28#oembed-1>

“Apa itu falsafah?” by Purana School is licensed under CC BY 4.0 / A derivative from the original work

2. Konsep Falsafah

Falsafah merupakan satu bentuk pemikiran manusia dalam mencari sesuatu yang ingin diketahui oleh dirinya sendiri. Sebagai contoh, tentang apabila manusia ingin mengetahui sesuatu perkara seperti kebenaran (Hashim, 2001). Apabila seseorang ingin mengetahui atau memahami sesuatu kebenaran seperti hal agama misalnya, mereka akan mengkaji dalam pelbagai perkara dengan menggunakan kitab-kitab serta cara lain dalam menjawab persoalan berkaitan keagamaan. Contohnya seperti persoalan 'Adakah agama satu kebenaran?' atau 'Apakah agama yang benar di dunia ini?'. Ia berbalik kepada konsep bahawa falsafah pada awalnya merupakan buah fikiran serta persoalan tentang sesuatu perkara yang kemudiannya dijadikan sebagai pandangan dan pegangan. Ada yang mendefinisikan falsafah sebagai alat yang mempunyai kegunaan. Ada juga yang mendefinisikan falsafah sebagai satu keperluan dalam memahami ilmu. Dengan kata lain, falsafah sebenarnya adalah suatu ilmu yang menjadi asas kepada kewujudan ilmu-ilmu baru dalam mencapai sesuatu tujuan kehidupan dan penciptaan.

Dalam dunia falsafah, seseorang itu mendapat inspirasi daripada pelbagai pandangan dan teori yang berbeza (Abdul Jalil, 1989). Falsafah membantu seseorang memahami aspek kehidupan yang kompleks yang mungkin tidak boleh diakses melalui pendekatan lain. Ia membantu menyelesaikan persoalan besar tentang alam semula jadi, moral dan makna. Falsafah juga merupakan ruang di mana seseorang itu boleh melatih dan mengasah kemahiran berfikir kerana falsafah menggalakkan pemikiran kritis dan analitikal. Hal ini membolehkan seseorang menilai idea dan pandangan tentang sesuatu perkara dengan lebih mendalam. Pemahaman dalam falsafah juga secara tidak langsung membantu individu membina identiti melalui cara bagaimana mereka berfikir kerana pemikiran adalah asas untuk memahami siapa diri kita. Ringkasnya, falsafah merupakan suatu usaha penting dalam memahami dan

meringkaskan aspek kehidupan manusia yang mempunyai kesan mendalam terhadap pemikiran, nilai dan pembangunan masyarakat. Terdapat beberapa cabang dalam falsafah seperti epistemologi, etika, estetika, logik dan metafizik (Hashim, 2001). Cabang falsafah ini sangat penting kerana ia memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan manusia.

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=30#h5p-1>

3. Rumusan

Kesimpulannya, falsafah bukan sekadar satu bentuk pemikiran, tetapi juga merupakan asas kepada segala ilmu pengetahuan. Falsafah membantu manusia memahami asas dan makna kehidupan, menjawab persoalan mendalam tentang realiti, pengetahuan, moral, dan kewujudan, merangsang pemikiran kritikal, memungkinkan keputusan bermakna, serta memahami dunia dengan lebih mendalam. Dengan merangkumi cabang-cabang seperti epistemologi, etika, estetika, logik, metafizik, dan politik, falsafah memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan manusia. Ia bukan sahaja menggalakkan pemikiran kritis dan analitikal, tetapi juga membantu individu membina identiti melalui cara berfikir.

PART II

PERKEMBANGAN

FALSAFAH

Objektif Pembelajaran

Pada akhir penulisan ini, anda akan dapat :

- menjelaskan perkembangan falsafah dengan ringkas
- menyatakan sejarah perkembangan falsafah
- merumuskan aspek perkembangan dan sejarah falsafah

4. Perkembangan Bidang Falsafah

Perkembangan falsafah adalah satu bidang yang sangat luas dan wujud pandangan berbeza mengenai apa yang penting dalam perkembangan falsafah. Ia merangkumi tokoh, aliran pemahaman yang dibawa dan subtopik dalam falsafah itu sendiri. Perkara yang menarik dari sudut falsafah ialah perubahan dalam jangkauan rasional kita. Menurut Ludwig Wittgenstein, tanpa falsafah, pemikiran menjadi kabur dan tidak jelas. Kemunculan ramai ahli falsafah dalam sesebuah tamadun juga menandakan tamadun tersebut memiliki tradisi ilmu yang tinggi kerana falsafah mengajar manusia untuk berfikir secara rasional dan mengamalkan sikap ingin tahu.

Sila ikuti video ini untuk pemahaman lanjut.



One or more interactive elements has been excluded from this version of the text. You can view them online

here: <https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=36#oembed-1>

“What is Philosophy?: Crash Course Philosophy #1” by CrashCOurse is licensed under CC BY 4.0

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

[https://openbook.ums.edu.my/
asaspemikiranfalsafah/?p=36#h5p-2](https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=36#h5p-2)

5. Sejarah Falsafah

Menurut penulisan James Garvey dan Jeremy Stangroom (2012), sejarah falsafah menjangkau ribuan tahun dengan sumbangan pemikiran para sarjana dari pelbagai budaya dan tempoh masa. Ia dikatakan bermula pada era Yunani. Kemegahan era Yunani merujuk kepada peralihan intelektual yang ketara berlaku di Greece purba khususnya di bandar Miletus dan beberapa penempatan Yunani yang menandakan kelahiran falsafah dan penciptaan rasionaliti. Sebelum peralihan intelektual ini, tamadun purba termasuk masyarakat Mesir dan Babylon bergantung pada mitos, Tuhan dan penjelasan ghaib untuk memahami dunia. Aplikasi praktikal geometri dan matematik untuk orang Mesir dan Babylon didorong terutamanya oleh keperluan masyarakat masing-masing. Masyarakat Mesir sebagai contoh mempunyai sistem pencukaaian berdasarkan tanah yang memerlukan pengetahuan geometri. Petani perlu mengira kawasan permukaan yang tenggelam di bawah air semasa banjir Nil untuk menuntut pengurangan cukai. Oleh itu, mereka mengembangkan kemahiran dalam geometri untuk memenuhi keperluan praktikal ini. Sebaliknya, masyarakat Babylon mempunyai pengaruh agama yang kuat dalam kehidupan seharian. Pemahaman tentang pergerakan planet dan bintang begitu berkait rapat dengan kepercayaan agama mereka. Dengan mengkaji benda-benda angkasa, masyarakat Babylon meyakini bahawa mereka boleh mendapatkan pandangan tentang kehendak Tuhan dan meramalkan peristiwa yang akan memberi kesan kepada kehidupan mereka. Bidang Matematik memainkan peranan dalam menentukan pertukaran musim dan meramal pergerakan objek-objek di langit. Ringkasnya, masyarakat Mesir menggunakan geometri untuk tujuan praktikal seperti percukaaian manakala masyarakat Babylon menggunakan Matematik khususnya berkaitan pemerhatian cakerawala untuk memahami dan mengemudi kepercayaan agama dan kehidupan seharian mereka.

Walau bagaimanapun, masyarakat pemikir di Miletus, di sebuah bandar Yunani pada era berkenaan telah mula mempersoalkan dunia sekeliling dan berusaha untuk memberikan alasan logik untuk menyokong kepercayaan mereka. Mereka menolak perkara-perkara yang bersifat dakwaan semata-mata dan berkeras menggunakan hujah yang rasional untuk menyokong apa yang mereka anggap benar. Masalah asas yang dikaji oleh mereka adalah menentukan bahan asas atau komponen yang menjadi sumber terbentuknya segala benda di dunia iaitu tanah, air, udara, dan api (Awang Sariyan, 2007). Sebelum peralihan ini, masyarakat Yunani bergantung kepada Tuhan dan penjelasan ghaib untuk memahami dunia. Mereka juga mempunyai kepercayaan yang bersumberkan mitos ataupun cerita-cerita kuno. Pemikiran secara logik tidak berlaku pada masa itu kerana yang berlaku hanya kebenaran bersumber dari mitos sahaja. Kemudian muncul ahli-ahli pemikir yang menentang kepercayaan mitos. Mereka menuntut adanya jawapan daripada misteri mengenai sejarah perkembangan semesta dengan jawapan yang dapat diterima logik akal. Dengan munculnya fahaman atau pemikiran para ahli tersebut, segelintir pemikir di Miletus mula menimbulkan persoalan baru dan mencari kesimpulan yang munasabah. Mereka mencipta rasional dengan memperkenalkan kesimpulan yang beralasan sebagai jawapan kepada persoalan falsafah mereka.

Perkembangan falsafah pada masa tersebut terbahagi kepada beberapa era seperti berikut iaitu pertama, era pra-Socrates (600-450 S.M.). Kedua, era Sofis. Ketiga, era Socrates. Keempat, era Plato dan kelima, era Aristoteles. Era pertama merupakan era awal kemunculan falsafah Yunani. Ia dinamakan sebagai era pra-Socrates kerana era tersebut berlaku sebelum kemunculan Socrates (Mohd. Annas, 2019) dan kalangan ahli falsafah terawal (500-600 SM) dikenali sebagai sofis. Para sofis terkemuka antaranya adalah Socrates, Plato dan Aristotle. Falsafah menurut mereka adalah ilmu bahasa, retorik dan ilmu yang terbit daripada pemikiran para sarjana yang ingin mengetahui hikmah kejadian sesuatu serta perkara-perkara makrifat/hakikat bagi pembersihan diri. Menurut Socrates (469-399 SM), falsafah adalah kajian alam tabii secara teori untuk

mengenal diri sendiri. Manakala menurut Plato (427-347 SM) dan Aristotle (384-322 SM), falsafah adalah kajian berhubung perkara-perkara azali dan abadi bagi mengharmonikan kepercayaan mistik atau agama dalam pemikiran. Plato umpamanya bergiat memahami kebenaran dan kebaikan serta tanggapan yang lebih betul atau pasti tentang Tuhan bagi mengimbangi pemikiran mitos Yunani pada ketika itu. Beliau juga cuba mencontohi Tuhannya kerana baginya kegiatan ini perlu dilakukan oleh setiap manusia yang bersedia untuk menghadapi maut. Di samping itu, beliau juga giat berdialog serta melakukan amalan mistik. Aristotle pula mengkaji sebab-musabab dan asas segala benda, perkara metafizik yang mengkaji soal kewujudan (*being*) di samping bergiat membangunkan fizik, etika, estetik, psikologi, retorik serta taakulan intuisi (Shaharir, 2018).

Pendekatan baharu untuk memahami dunia berdasarkan rasional dan penaakulan logik ini membezakan masyarakat Yunani dari budaya masyarakat lain pada masa itu. Era Yunani kuno ini juga disebut sebagai zaman falsafah alam kerana pada tempoh ini bermula kemunculan para ahli pemikir yang menumpukan perhatian kepada apa yang berada di alam sekitar. Mereka menimbulkan persoalan tentang gejala alam yang bersifat logik dan mencari asas yang utama dari alam semesta (James Garvey & Jeremy Stangroom, 2012). Pemikiran dan falsafah sejarah Yunani juga menjadi teras kepada pemikiran dan falsafah sejarah Barat pada hari ini (Mahayudin, 2009).

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=38#h5p-3>

6. Rumusan

Kesimpulannya, perkembangan falsafah tidak hanya mencerminkan perubahan dalam cara manusia berfikir tetapi juga menunjukkan evolusi budaya dan intelektual sesuatu tamadun. Dari era Yunani kuno yang menandakan permulaan pemikiran rasional dan logik hingga kepada aplikasi praktikal geometri dan matematik di Mesir dan Babylon, jelas bahawa falsafah memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan dunia dan metodologi saintifik. Pendekatan rasional yang dibawa oleh para ahli falsafah Yunani telah menjadi asas kepada banyak disiplin ilmu yang wujud pada hari ini, menunjukkan betapa kuatnya pengaruh falsafah dalam mengarahkan pemikiran manusia ke arah yang lebih sistematik dan analitikal. Dalam dunia moden, nilai falsafah tetap relevan kerana ia mengajar kita untuk sentiasa mempersoalkan, mencari penjelasan yang beralasan, dan mengamalkan pemikiran kritis dalam menghadapi pelbagai isu kehidupan. Oleh itu, menghargai perkembangan falsafah adalah menghargai kemajuan intelektual dan kebijaksanaan manusia sepanjang sejarah.

PART III

LOGIK

Objektif Pembelajaran

Pada akhir penulisan ini, anda akan dapat :

- menjelaskan maksud dan konsep Logik
- menyenaraikan kaedah pengujahan dan keesahan dalam Logik
- merumuskan tentang Logik

7. Maksud dan Konsep Logik

Logik adalah salah satu cabang falsafah yang sangat penting. Perkataan 'Logik' berasal daripada bahasa Yunani, iaitu 'Logos' yang bermaksud idea atau alasan. Logik melibatkan kajian kebenaran sesuatu melalui inferens atau penyelidikan. Ia merujuk kepada cara berfikir dan membuat kesimpulan tentang sesuatu perkara. Pentingnya mempelajari ilmu logik adalah untuk memahami hakikat sesuatu dan mampu menganalisis kebenaran serta penerimaan sesuatu perkara, sama ada sesuatu itu benar atau salah, diterima atau tidak.

Logik melibatkan penghujahan yang betul dan terdiri daripada premis-premis yang membentuk sebuah kesimpulan (P.D. Magnus et al. 2020). Premis dalam ilmu logik adalah asas penghujahan yang dibahagikan kepada pernyataan umum dan pernyataan khusus. Pernyataan umum seringkali tidak kukuh dan boleh dipertikaikan. Ia biasanya bersifat terbuka dengan kesimpulan yang mungkin tidak tepat. Berbeza dengan pernyataan khusus, ia merujuk kepada usaha memberikan fakta untuk menjelaskan apa yang diperkatakan. Pernyataan khusus memberikan fakta untuk menjelaskan sesuatu bagi mengelakkan sesuatu premis itu bersifat terbuka dan boleh dipertikaikan. Namun masalah yang timbul ialah ketidakpastian kebenaran premis. Oleh itu, penghujahan kebenaran premis dibahagikan kepada kaedah induksi, kaedah deduksi dan kaedah abduksi.

8. Konsep Hujah

Hujah adalah sesuatu yang terdiri daripada dua bahagian dalam pernyataan iaitu bahagian pertama yang dipanggil premis. Premis menyokong kesimpulan sebagai bahagian kedua dalam pernyataan tersebut. Jadi hujah merujuk kepada premis dan kesimpulan. Menurut Douglas N. Walton (1990), maksud dan konsep hujah sebenarnya tidak dapat dinyatakan secara jelas. Ia lazimnya dibincangkan selari dengan konsep sebab namun hujah dan sebab juga mempunyai karekter berbeza bergantung kepada sejauh mana penilaian dilakukan terhadap kedua-dua perkara tersebut. Oleh itu, logik adalah kajian mengenai kaitan antara premis dan kesimpulan sama ada kesimpulan dirumuskan secara betul ataupun secara sah daripada premis-premis yang dikemukakan berpandukan hujah ataupun sebab.

9. Penghujahan dalam Logik

Terdapat beberapa kaedah penghujahan dalam logik (P.D. Magnus et al. 2020). Antaranya adalah kaedah induktif (Marcus Weeks et al, 2019). Kaedah induktif melibatkan kaedah berfikir daripada khusus kepada umum dan mencipta teori berdasarkan fakta. Dalam kaedah induktif, seseorang itu berfikir dengan melihat dan menganalisis fakta yang sedia ada sebelum membuat hipotesis. Ia bertujuan untuk menerangkan perkaitan di antara fakta sedia ada dan kesimpulan yang dibuat sentiasa bersifat umum. Contohnya; Premis I : A adalah manusia. Premis II : A akan mati. Jadi kesimpulannya, semua manusia mati.

Kaedah seterusnya adalah kaedah deduktif (Marcus Weeks et al, 2019). Kaedah deduktif melibatkan kaedah berfikir daripada umum kepada khusus dengan menggunakan teori untuk memahami situasi tertentu. Kaedah deduktif menjadikan seseorang terikat dengan teori sedia ada dan menghalang seseorang daripada menghasilkan prinsip umum yang baru. Kaedah deduktif tidak menjamin ilmu pengetahuan yang benar kerana ia hanya dapat memberi pengetahuan yang sah sahaja. Benar atau tidaknya sesuatu fakta atau perkara tidak boleh ditentukan oleh kaedah ini. Contohnya; Premis I : Semua manusia mati. Premis II : A adalah manusia. Jadi kesimpulannya, A akan mati.

Manakala kaedah abduktif melibatkan proses penaakulan dengan memilih hipotesis yang dianggap benar dan dapat menjelaskan sesuatu perkara berdasarkan bukti-bukti yang relevan. Dalam kaedah abduktif, kesimpulan cuba dibuat bagi menjelaskan mengapa sesuatu perkara itu berlaku dengan cara 'berfikir ke ke belakang' atau *thinking backwards*. Contohnya; Premis I : Semua manusia mati. Premis II : A akan mati. Jadi kesimpulannya, A adalah manusia. Setiap kaedah ini masing-masing kaedah mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri menerusi pendekatan yang berbeza dalam pembentukan kesimpulan dalam perbincangan tentang aspek logik.

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

[https://openbook.ums.edu.my/
asaspemikiranfalsafah/?p=48#h5p-4](https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=48#h5p-4)

10. Keesahan dalam Logik

Setelah memahami tentang penghujahan dalam logik, perlu diketahui bahawa pernyataan umum yang terdapat dalam kesimpulan adakalanya tidak semestinya benar walaupun premis-premisnya benar. Keesahan kesimpulan yang dihasilkan tidak benar dan tidak dapat dibuktikan kerana berlakunya falasi atau kesilapan dalam berfikir. Terdapat dua jenis falasi iaitu falasi yang bersifat formal atau (*formal fallacy*) dan falasi yang bersifat tidak formal (*informal fallacy*). Falasi formal berlaku apabila kita tidak menggunakan peraturan-peraturan yang betul dalam logik deduktif dan induktif yang menyebabkan kita melakukan kesilapan ataupun falasi. Sebaliknya falasi informal tidak melibatkan pelanggaran apa-apa peraturan logik dalam menghasilkan kesimpulan daripada premis-premis yang dibincangkan. Sebagai contoh; i) Premis I : A wanita bertudung dan ii) Premis II : B wanita bertudung. Kesimpulan : semua wanita bertudung. Dalam aspek keesahan, kesimpulan premis ini kurang tepat kerana ia adalah satu kesilapan dalam berfikir atau dikenali sebagai 'falasi'. Fakta Premis I dan Premis II tidak dapat digeneralisasi untuk menghasilkan kesimpulan 'semua wanita bertudung' kerana konsep keesahan dalam berfikir perlu berbalik kepada analisis kebenaran serta penerimaan sesuatu perkara, sama ada benar atau salah, diterima atau tidak.

II. Rumusan

Secara kesimpulannya, logik merupakan cabang falsafah yang berperanan penting dalam membantu manusia membuat inferens dan penyelidikan bagi mencapai kebenaran. Asal usul perkataan 'Logik' menunjukkan kaitannya dengan idea dan alasan. Ia melibatkan cara berfikir dan membuat kesimpulan mengenai sesuatu perkara di samping menganalisis kebenaran dan penerimaan sesuatu hujah.

Konsep logik melibatkan premis-premis yang membentuk kesimpulan menerusi pernyataan umum dan khusus. Pernyataan umum cenderung bersifat terbuka, manakala pernyataan khusus memberikan fakta untuk menyokong hujah. Namun, masalah timbul apabila terdapat ketidakpastian terhadap kebenaran premis. Ia memerlukan penghujahan dan penghujahan dalam logik terbahagi kepada kaedah deduksi, induksi, dan abduksi. Setiap kaedah ini mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Kaedah deduksi terikat dengan teori sedia ada, manakala kaedah induksi bersifat umum. Kaedah abduksi pula memberi penjelasan 'berfikir ke belakang' untuk mencapai kesimpulan. Dalam perbincangan tentang aspek logik, pemahaman dan penguasaan terhadap ketiga-tiga kaedah ini memainkan peranan penting bagi membentuk hujah yang kukuh dan berkesan.

PART IV

METAFIZIK

Objektif Pembelajaran

Pada akhir penulisan ini, anda akan dapat :

- menyatakan maksud dan konsep Metafizik
- menerangkan teori kewujudan dalam Metafizik
- menjelaskan sistem Metafizik yang berkaitan dengan fahaman keagamaan
- memperincikan penghujahan yang menyokong kewujudan dan ketidakwujudan Tuhan
- merumuskan aspek-aspek berkaitan Metafizik

12. Konsep Metafizik

Falsafah mempunyai hubungan yang sangat erat dengan kehidupan manusia. Hal ini kerana falsafah memainkan peranan penting dalam aspek hubungan antara individu, masyarakat serta negara. Falsafah juga mencakupi segala perkara yang berkaitan dengan aspek ketuhanan. Aspek ketuhanan merupakan pokok perbahasan dalam metafizik kerana ia melibatkan hubungan antara manusia, alam dan Tuhan. Dengan kata lain, metafizik merupakan suatu ilmu yang membahaskan tentang perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar.



“Metafizik” by DK is licensed under CC BY 4.0

Metafizik adalah gabungan perkataan “meta” dan “fizik.” “Meta” bermaksud melampaui atau di atas, sedangkan “fizik” memfokuskan pada hal-hal alam yang bersifat material atau fizik. Oleh itu, metafizik merujuk pada sesuatu yang melampaui batasan fizik.

Kajian metafizik merupakan bahagian kedua dari pemikiran falsafah kerana bahagian pertama adalah berkaitan dengan hal-hal atau fenomena fizik (Shaharir, 2018).

Makna metafizik juga dilihat dari dua perspektif iaitu perspektif falsafah dan perspektif keagamaan. Dari sudut falsafah, Aristotle menganggap metafizik sebagai kajian yang paling abstrak atau umum tentang fenomena alam seperti benda atau material. Metafizik tidak memerhatikan sifat-sifat khusus, melainkan aspek abstrak dari suatu fenomena seperti sebab dan akibat yang timbul dari tindakan sebab tersebut. Hubungan antara sebab dan akibat ini kemudian dianalisis secara umum dalam konteks metafizik. Manakala dari sudut keagamaan, metafizik sering kali berkaitan dengan perkara-perkara di luar fenomena biasa seperti kehidupan setelah mati, kehidupan di alam barzakh serta konsep syurga dan neraka. Hal-hal ini tidak dapat ditentukan melalui pengamatan biasa atau panca indera. Ringkasnya metafizik mencakupi hal-hal yang tidak dapat diketahui dengan kaedah konvensional, melainkan hanya dapat disahkan melalui pendekatan dan sumber wahyu.

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=57#h5p-5>

13. Teori Kewujudan dalam Metafizik

Metafizik memerlukan dasar untuk memahami sifat kewujudan segala objek dan perkara yang berlaku dalam alam. Oleh itu, terdapat dua teori berbeza tentang aspek kewujudan yang dibincangkan dalam bidang metafizik iaitu teori materialisme serta teori ideaalisme. Teori materialisme menjelaskan bahawa hanya benda atau material yang jelas seperti alam semulajadi yang memiliki kewujudan sejati. Kewujudan ini diterima tanpa pertanyaan kerana kejadian alam bersifat material dan boleh dilihat. Namun, hal berbeza terjadi pada hal-hal yang tidak bersifat material seperti idea dalam pikiran manusia. Idea tidak bersifat fizik, tetapi kewujudannya diakui. Justeru para materialalis menjelaskan bahawa idea tidak memiliki realiti sebaliknya bergantung pada sifat yang bersifat material, iaitu otak manusia dan fungsinya.

Teori ideaalisme, di sisi lain, adalah berlawanan dengan pandangan materialalis. Teori ideaalisme menjelaskan bahawa realiti tidak bersifat material dan tidak wujud bersendirian (Hashim, 2001) melainkan bersifat mental atau spiritual atau hanya gambaran akal (Abdul Latif, 1993). Menurut tokoh seperti Josh Barkeley, manusia tidak dapat mengenali objek di luar panca indera secara langsung. Dengan kata lain, semua pengalaman hanyalah idea (Abdul Latif, 1993). Situasi ini membuka pintu bagi keyakinan spiritual berpandukan tanggapan bahawa realiti tidak bersifat fizik. Oleh itu, konsep asbtrak seperti roh diterima kerana roh tidak bersifat material tetapi difahami oleh pemikiran menerusi aspek rohaniah atau spiritual tanpa melibatkan material.

14. Sistem Metafizik Berkaitan Fahaman Keagamaan

Sistem metafizik yang berkaitan dengan pemahaman keagamaan melibatkan perbincangan tentang Atheisme, Politheisme, dan Agnostisisme. Atheisme merujuk kepada keyakinan bahawa Tuhan tidak wujud. Pemahaman ini mengakui realiti alam ini hanya terbatas kepada kewujudan entiti-entiti yang nyata seperti manusia, alam sekitar, objek-objek fizikal, dan mungkin juga idea. Bagi penganut Atheisme, Tuhan dianggap sebagai entiti yang berbeza dan tidak wujud. George H Smith (1979) mengklasifikasikan atheisme kepada dua jenis, iaitu Atheisme implisit (ketidakpercayaan kepada Tuhan tanpa penolakan Tuhan secara sedar) dan Atheisme eksplisit (ketidakpercayaan kepada Tuhan disebabkan penolakan Tuhan secara sedar). Atheisme eksplisit menolak kepercayaan kepada Tuhan atas beberapa faktor seperti ketiadaan bukti yang memadai mengenai kewujudan Tuhan, pertentangan konsep tentang Tuhan, dan konsep Tuhan yang tidak dapat difahami.

Theisme adalah fahaman yang meyakini kewujudan Tuhan, walaupun kewujudan Tuhan mungkin tidak dapat dikesan melalui cara-cara biasa seperti melalui pancaindera mahupun akal yang rasional. Fahaman ini terbahagi kepada beberapa kategori termasuk Monotheisme dan Politheisme. Monotheisme menyatakan bahawa Tuhan itu satu-satunya, yang bermakna Tuhan wujud tetapi kewujudannya adalah Tunggal atau Esa. Penganut fahaman ini menekankan keEsaan Tuhan seperti fahaman Tauhid dalam Islam. Di sisi lain, Politheisme menyatakan bahawa Tuhan itu wujud, tetapi kewujudannya adalah lebih daripada satu. Fahaman ini dipegang oleh penganut agama yang menyatakan bahawa Tuhan itu adalah

lebih daripada satu atau banyak. Walaupun demikian, mereka tidak menafikan kewujudan Tuhan.

Dalam fahaman Theisme, terdapat juga fahaman seperti Pantheisme (kepercayaan bahawa Tuhan adalah alam), Panentheisme (kepercayaan bahawa Tuhan hadir dalam alam tetapi bebas daripada alam), dan Deisme (kepercayaan bahawa Tuhan wujud dan mencipta alam tetapi tidak mengambil bahagian dalam urusan alam, tidak berinteraksi dengan manusia, tidak mendengar doa, dan seumpamanya).

Manakala fahaman Agnostisisme menyatakan bahawa sama ada Tuhan itu wujud atau tidak adalah tidak dapat diketahui kerana pemahaman dan kemampuan manusia untuk mengenali alam melalui deria dan pemikiran adalah terhad. Perkara ini menjadi kekangan terhadap kemampuan manusia untuk mengetahui realiti yang wujud. Seorang agnostik menerima kemungkinan ‘Tuhan Wujud’ tetapi percaya bahawa ia tidak dapat dibuktikan benar mahupun palsu. Jika dilihat dari segi epistemologi, menurut Kenny (1983), agnostisisme mengakui bahawa hujah yang menyokong kewujudan Tuhan dan hujah yang menentangnya adalah tidak pasti kerana kedua-duanya dianggap tidak meyakinkan. Dengan kata lain, oleh kerana pemahaman manusia terhadap sesuatu adalah terbatas, aspek kewujudan Tuhan samada ada atau tidak ada adalah tidak dapat diketahui.

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=61#h5p-6>

15. Penghujahan Menyokong Kewujudan dan Ketidakwujudan Tuhan

Terdapat beberapa hujah yang menyokong kewujudan dan ketidakwujudan Tuhan. Hujah yang menyokong kewujudan Tuhan termasuklah hujah Kosmologi, hujah Teleologi, dan hujah Ontologi. Dalam hujah Kosmologi, tokoh seperti Plato, Aristotle, Aquinas, Ibn Sina, Al-Ghazali, Descartes, Leibniz, Clarke, Craig, Meyer, Koons, Gale, dan Pruss, serta Swinburne menyatakan bahawa Tuhan perlu wujud untuk membuktikan kewujudan alam semesta. William Lane Craig dan James D. Sinclair (2009) membentangkan hujah kalam-kosmologi, yang menyatakan bahawa segala yang bermula untuk wujud perlu mempunyai sebab permulaannya, dan oleh itu, alam semesta memerlukan sebab untuk wujud.

Hujah Teleologi pula dibahaskan oleh tokoh-tokoh seperti Plato, Aristotle, Cicero, Augustine, Al-Farabi, Ibnu Sina, Al-Ghazali, Ibn Rusyd, Maimonides, Aquinas, Tennant, dan Hackett. Hujah teleologi yang terkenal adalah yang dikemukakan oleh William Paley (1829). Beliau menyatakan bahawa alam semesta ini direka dengan tujuan dan memerlukan Pencipta yang bijak. Melalui pemerhatian terhadap alam, beliau menegaskan alam semesta ini semestinya mempunyai Pencipta yang bijak yang berkuasa mencipta segala sesuatu meskipun kejadian alam bersifat kompleks.

Hal ini menunjukkan hujah Kosmologi dan Teleologi bergantung kepada premis yang boleh dikenali melalui pencerapan dan pengalaman terhadap alam semesta. Hujah Ontologi, sebaliknya, menyatakan bahawa kewujudan Tuhan boleh dibuktikan melalui akal semata-mata tanpa melibatkan pancaindera mahupun pengalaman seseorang. Penghujahan Ontologi merujuk kepada sifat tabii Tuhan yang boleh difikirkan oleh akal tanpa melihat kejadian alam seperti

yang diyakini oleh golongan yang buta misalnya. Persamaan jelas antara hujah Kosmologi, Teleologi, dan Ontologi adalah bertujuan untuk membuktikan wujudnya Tuhan.

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=63#h5p-7>

Namun, terdapat satu hujah yang cuba membuktikan ketidakwujudan Tuhan yang dikenali sebagai Permasalahan Kejahatan. Hujah ini menyatakan bahawa kewujudan Tuhan bertentangan dengan kewujudan kejahatan di dunia. Epicurus menyokong permasalahan kejahatan dengan menyatakan bahawa jika Tuhan Maha Berkuasa, Maha Mengetahui, dan sempurna baik, maka kejahatan sepatutnya tidak wujud. Hujah ini disanggah oleh pandangan tokoh lain yang menyatakan bahawa kejahatan diperlukan untuk membangun dan menguatkan jiwa seseorang. Plantinga dalam gagasan *Free Will Defense* pula menyatakan bahawa dunia dengan makhluk bebas lebih baik daripada dunia tanpa kebebasan (Daniel Howard-Snyder & John O’Leary-Hawthorne, 1998). Dalam hal ini, sebahagian besar ahli-ahli teologi mempercayai bahawa Tuhan merupakan sebab utama bagi segala-galanya di alam tabii ini. Manusia merupakan sebab alatan bagi semua perlakuan mereka. Tidak dinafikan kepercayaan seperti ini menimbulkan banyak persoalan seperti sejauh manakah manusia bebas bertindak? Jika manusia hanya merupakan sebab alatan bermakna manusia tiada pilihan, manusia hanya bertindak terhadap sebab utama-Nya sahaja. Tetapi perlu ditegaskan bahawa manusia masih mempunyai pilihan untuk melakukan yang baik atau yang buruk (bukan ditetapkan oleh Tuhan) (Abdul Latif, 1993).

16. Rumusan

Kesimpulannya, metafizik memainkan peranan penting dalam merungkai hubungan antara manusia, alam, dan Tuhan dalam konteks falsafah. Ia melibatkan pemahaman terhadap perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar dan melampaui batasan fizikal. Dalam perspektif falsafah, metafizik merupakan kajian abstrak tentang fenomena alam dan hubungan abstrak seperti sebab dan akibat. Manakala dari sudut pandang keagamaan, makna metafizik terlihat melalui dua perspektif – falsafah dan keagamaan. Pentingnya metafizik dapat dilihat melalui perbincangan mengenai teori materialisme dan idealisme. Teori-teori ini merangkumi pandangan berbeza tentang kewujudan sesuatu benda atau idea, dan bagaimana realiti dilihat dari perspektif material atau mental. Selanjutnya, dalam konteks keagamaan, muncul pemahaman Atheisme, Theisme, dan Agnostisisme yang membincangkan aspek kewujudan Tuhan.

Dalam perbahasan yang menyokong kewujudan Tuhan, hujah Kosmologi, Teleologi, dan Ontologi memberikan pandangan berbeza namun mempunyai matlamat sama dalam meyakini kewujudan Tuhan. Sebaliknya, hujah Permasalahan Kejahatan mencabar kewujudan Tuhan dengan fokus melihat ketidaksesuaian antara kewujudan Tuhan yang Maha Berkuasa dengan kewujudan kejahatan di dunia.

Secara keseluruhannya, pemahaman tentang pelbagai sistem metafizik dapat membantu manusia dalam membuat penilaian ilmiah tentang kebenaran. Pemahaman tentang metafizik juga sesungguhnya memberikan landasan yang merentasi konsep-konsep abstrak dan kompleks dalam falsafah dan keagamaan. Hal ini membantu manusia untuk merenung dan membuat penilaian ilmiah mengenai hakikat kewujudan serta hubungan antara manusia, alam, dan Tuhan.

PART V

EPISTEMOLOGI

Objektif Pembelajaran

Pada akhir penulisan ini, anda akan dapat :

- menyatakan konsep Epistemologi
- menjelaskan syarat-syarat epistemologi
- menerangkan teori-teori Epistemologi
- merumuskan kefahaman berkaitan Epistemologi

17. Konsep Epistemologi

Falsafah sebagai satu bentuk pemikiran reflektif berperanan membimbing kita dalam memahami aspek asas kehidupan. Dalam kerangka falsafah, idea dicipta daripada sumber pengetahuan seperti pengalaman, sebab, dan autoriti. Cabang falsafah yang menyasat sifat ilmu pengetahuan disebut sebagai 'Epistemologi'. Epistemologi membincangkan teori-teori ilmu, sifat-sifat ilmu, syarat-syarat yang membolehkan sesuatu itu dianggap sebagai ilmu, batasan-batasan ilmu serta kaedah bagaimana memperoleh ilmu pengetahuan. Epistemologi penting untuk pemahaman tentang satu persoalan utama iaitu 'Bagaimana kita mengetahui sesuatu?' Dengan merujuk kepada epistemologi untuk menjelaskan prinsip-prinsip ilmu, falsafah didefinisikan sebagai ilmu yang mengkaji hakikat dan makna kehidupan manakala epistemologi berfungsi sebagai landasan untuk memahami dan menafsirkan realiti.

Epistemologi menggunakan istilah 'ilmu' untuk merujuk kepada pengetahuan yang diperolehi menerusi penggunaan kaedah, metodologi dan pendekatan sistematik. Epistemologi dan falsafah berfungsi bersama dalam menyediakan asas untuk memahami etika, nilai, dan prinsip yang menentukan tingkah laku manusia. Keduanya menjawab persoalan asas tentang kewujudan dan tujuan hidup manusia. Asas perbincangan mengenai ilmu adalah mengenai sesuatu kepercayaan yang berasaskan kebenaran.

18. Syarat-syarat Epistemologi

Terdapat tiga syarat berkenaan dengan konsep ilmu. Syarat pertama adalah kepercayaan tentang apa yang dipegang atau dipercayai itu sebagai ilmu. Kepercayaan adalah asas ilmu yang membolehkan seseorang mempercayai apa yang mereka ketahui. Syarat kedua adalah apa yang dipercayai itu mesti benar. Sekiranya palsu, maka ianya tidak dikira sebagai ilmu. Namun, adalah tidak memadai dengan hanya mempercayai bahawa perkara itu adalah benar semata-mata kerana keterbukaan untuk menghadapi realiti dan menguji hipotesis adalah teras kebenaran saintifik. Manakala syarat ketiga adalah kepercayaan itu mesti mempunyai asas atau justifikasi. Ilmu perlu berdasarkan kepada bukti dan fakta yang dapat diuji. Ketiga-tiga syarat ini harus ada, dan hanya dengan memenuhi ketiga-tiga syarat ini, suatu perkara boleh dianggap sebagai ilmu. Jika salah satu syarat tidak dipenuhi, maka perkara tersebut tidak akan lengkap untuk dianggap sebagai disiplin ilmu.

Persoalan epistemologi menjadi semakin penting apabila dunia berhadapan dengan persoalan baharu berkenaan sumber pengetahuan dan kebenaran. Konsep kebenaran mutlak menjadi perdebatan kerana lahirnya fakta bahawa maklumat boleh diubah dan tafsiran subjektif boleh dibuat. Dalam menangani isu ini, epistemologi dan falsafah berfungsi sebagai asas untuk menilai sumber pengetahuan, memahami kesan etika dan mencipta asas nilai. Persoalan asas epistemologi 'Bagaimana kita mengetahui sesuatu?' juga telah mendorong seseorang untuk merenung sumber ilmu dan hadnya. Epistemologi bukan sahaja merupakan bidang falsafah, tetapi ia juga menyediakan asas pemahaman tentang dunia sebenar dan masalah yang dihadapi hari ini. Persoalan asas epistemologi telah menjadi panduan yang kukuh untuk meneroka, memahami, dan mengatasi kerumitan ilmu dan kehidupan apabila ia dikaitkan dengan falsafah dan digunakan dalam konteks isu semasa. Dalam menghadapi kerumitan isu kontemporari, pemikiran kritis

dan reflektif tentang proses pengetahuan menjadi semakin penting. Kita perlu mempersoalkan kebolehpercayaan data, meneroka andaian yang mendasari pemahaman kita di samping memahami bagaimana konteks sosial, budaya dan sejarah mempengaruhi pembinaan pengetahuan. Dalam menangani isu semasa juga, epistemologi bukan sekadar persoalan falsafah, tetapi menjadi alat praktikal untuk mengurus maklumat dan panduan tindakan. Justeru dengan memahami asas-asas epistemologi, seseorang boleh membangunkan kerangka pemikiran yang lebih kukuh dalam menghadapi cabaran dan perubahan yang terus berkembang dalam dunia moden. Pemahaman epistemologi yang mendalam juga membantu seseorang individu dan ahli masyarakat untuk membuat keputusan yang lebih baik dalam sesuatu perkara.

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=71#h5p-8>

19. Teori-teori Epistemologi

Beberapa teori yang dihasilkan oleh ahli falsafah dalam bidang epistemologi adalah Teori Koresponden, Teori Koherens, dan Teori Pragmatik. Teori Koresponden merujuk kepada kebenaran sebagai kesesuaian atau persamaan antara pernyataan (idea) dan pernyataan (realiti) atau fakta. Terdapat lima unsur yang perlu ada di dalam Teori Koresponden iaitu Pernyataan, Kesesuaian, Situasi, Pernyataan dan Keputusan. Kebenaran atau kepalsuan terletak pada kesesuaian antara subjek (apa yang diketahui) dan objek (realiti sebenar). Dengan kata lain, teori ini merujuk kepada perbandingan pernyataan yang dihasilkan dengan hakikat yang berkaitan dengan gambaran pernyataan tersebut. Kebenaran sesuatu pernyataan itu ditentukan oleh sama ada apa yang ditentukan oleh pernyataan itu adalah sepadan dengan hakikat yang ada di alam nyata. Suatu pernyataan dianggap benar jika isi kandungan pengetahuan bersesuaian dengan objek.

Kebenaran juga bergantung kepada sama ada apa yang dinyatakan oleh ayat atau pernyataan itu adalah sama atau serupa dengan hakikat yang ada di luar sana seperti yang digambarkan oleh ayat dan pernyataan itu. Sebagai contoh, pernyataan “Sekarang ini musim kemarau” dibuktikan benar jika pada hakikatnya pada masa itu memang berlaku musim kemarau. Teori kebenaran ini bagaimanapun mempunyai kelemahannya yang tersendiri. Contohnya bagaimana kita boleh membuat perbandingan antara pernyataan dengan teori jika kita tidak berhadapan dengan realiti ataupun realiti tersebut tidak jelas seperti situasi alam ghaib misalnya.

Teori Koherens merujuk kepada kriteria yang digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu pernyataan itu benar atau palsu. Teori ini diaplikasikan dengan membandingkan sesuatu pernyataan dengan pernyataan lain yang berkaitan dengannya. Suatu pernyataan boleh dianggap benar sekiranya hubungan antara setiap

pernyataan tersebut adalah konsisten. Dengan kata lain, suatu pernyataan dianggap benar bila ia bersifat koheren atau konsisten dengan pernyataan-pernyataan sebelumnya yang dianggap benar atau pertimbangan adalah benar jika ia bersifat konsisten dengan pertimbangan lain yang telah diterima kebenarannya serta berkesinambungan menurut logik. Ia lebih sepadan dengan kebenaran rasional dan idealisme subjektif. Sebagai contoh, pernyataan 'A menyebabkan kecederaan parah kepada B' boleh dibuktikan benar dengan membandingkan pernyataan ini dengan pernyataan-pernyataan yang lain seperti, 'terdapat cap jari A pada senjata yang digunakan dalam insiden tersebut' dan 'A adalah orang yang terakhir yang keluar dari rumah B'. Hal ini menunjukkan kebenaran kerana wujud perkara yang konsisten antara setiap pernyataan dan bersifat logik.

Teori Koherens dianggap benar jika boleh dibuktikan benar tetapi jika sebaliknya pernyataan yang berlaku bertentangan dengan maklumat baharu, maka teori ini akan digugurkan atau dibatalkan. Kelemahan teori ini adalah antara idea pernyataan pertama dan kedua, hanya ada kerahsiaan dan bukannya kebenaran. Terdapat juga pernyataan yang boleh mengelirukan kerana suatu pernyataan hanya akan benar jika tidak ada pernyataan yang berlawanan dengan pernyataan yang sebelumnya.

Teori Pragmatik, di sisi lain, adalah teori kebenaran yang menekankan pada kegunaan praktikal atau manfaat dalam kehidupan. Teori ini bersifat eksperimental dan sering digunakan dalam konteks sains. Misalnya, untuk membuktikan bahawa suatu teori atom itu benar, maka perlu ada satu eksperimen berdasarkan kepada teori itu. Kebenaran dalam Teori Pragmatik diukur berdasarkan kegunaan praktikalnya, meskipun mungkin bergantung pada pernyataan yang bersifat mikroskopik dan tidak selalu dapat dibuktikan secara langsung dengan perbandingan terhadap hakikat yang zahir. Justeru, kebenaran bukanlah keutamaan bagi teori ini. Kepalsuan boleh diperolehi dengan hujah-hujah rasional sedangkan tarikan pragmatisme adalah manfaat jangka pendek yang sengaja diada-adakan. Kelemahan teori ini adalah ia bersifat relatif dan

berubah ubah mengikut peredaran zaman. Suatu pernyataan mungkin tidak benar kecuali dalam keadaan tertentu, dan teori ini lebih mementingkan kegunaan daripada kebenaran mutlak.

Berdasarkan penerangan mengenai Teori Koresponden, Teori Koherens, dan Teori Pragmatik dalam bidang epistemologi, dapat disimpulkan bahawa setiap teori mempunyai pendekatan tersendiri terhadap konsep kebenaran. Teori Koresponden menekankan pada kesesuaian antara pernyataan dengan hakikat yang ada di alam nyata, di mana kebenaran bergantung kepada konsistensi antara apa yang dinyatakan dengan realiti yang diamati. Sementara itu, Teori Koherens menilai kebenaran berdasarkan konsistensi hubungan antara pernyataan dengan pernyataan lain yang berkaitan. Keberkesanan teori ini bergantung kepada konsistensi dan koherensi antara pernyataan yang dianggap benar sebelumnya. Manakala Teori Pragmatik memberi penekanan pada kegunaan praktikal suatu pernyataan dalam kehidupan. Kebenaran dalam konteks ini diukur melalui manfaat praktikalnya, dan teori ini cenderung bersifat eksperimental, terutamanya dalam konteks sains.

Walau bagaimanapun, setiap teori juga mempunyai kelemahan masing-masing. Teori Koresponden mungkin sukar diterapkan dalam situasi di mana realiti tidak jelas atau bersifat ghaib. Teori Koherens mungkin berisiko kehilangan kebenaran jika terdapat pertentangan antara pernyataan. Teori Pragmatik pula cenderung bersifat relatif dan boleh berubah mengikut peredaran zaman. Kesimpulannya, pemahaman terhadap ketiga-tiga teori ini memberi wawasan yang komprehensif terhadap bagaimana kebenaran dinilai dan difahami dalam konteks epistemologi. Setiap teori memberikan pandangan yang berbeza dan panduan untuk menilai kebenaran dengan pendekatan yang unik.

Uji Kefahaman Anda





An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

<https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=73#h5p-9>

20. Rumusan

Sebagai kesimpulan, perbincangan mengenai epistemologi dan falsafah memberikan landasan yang kukuh dalam memahami aspek-aspek kehidupan. Epistemologi sebagai cabang falsafah mengupas isu-isu berkaitan dengan sifat ilmu pengetahuan serta menyumbang kepada pembentukan pemahaman tentang bagaimana kita memperoleh pengetahuan. Konsep epistemologi tidak hanya merangkumi teori-teori ilmu, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membina asas etika, nilai, dan prinsip yang membentuk tingkah laku manusia.

Dengan pemahaman yang mendalam terhadap epistemologi, seseorang dapat menghadapi isu-isu kontemporari dengan cara yang lebih berkesan. Justeru, epistemologi bukan hanya satu bidang falsafah, tetapi juga sebagai alat praktikal untuk mengurus maklumat dan sebagai panduan untuk tindakan dalam dunia yang terus berkembang. Melalui refleksi terhadap asas-asas epistemologi, kita dapat membina pemikiran kritis yang membantu kita membuat keputusan yang lebih baik dalam menghadapi kompleksiti ilmu dan kehidupan.

PART VI

ETIKA

Objektif Pembelajaran

Pada akhir penulisan ini, anda akan dapat :

- menyatakan maksud etika
- menjelaskan konsep etika dalam kehidupan
- meringkaskan kefahaman berkaitan etika

2I. Maksud Etika

Etika berasal dari bahasa Yunani iaitu *ethos* dan *ethikos*. Dari aspek etimologi, *ethos* merujuk kepada sifat, watak, adat, kebiasaan, lingkungan yang baik, sikap atau peribadi (Kamal Azmi, 2015; Muhammad Azhar, 2024). Etika bermaksud ilmu tentang prinsip-prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau kumpulan (Mohd Zain, 2023). Ia adalah sesuatu yang muncul dari kebiasaan iaitu aktiviti yang dilakukan secara berulang dan menjadi lebih mudah dilakukan. Manakala 'ethikos' merujuk kepada adab atau perilaku yang baik (Muhammad Azhar, 2024). Oleh itu, etika pada dasarnya membicarakan tentang norma-norma dan nilai-nilai yang membentuk perilaku yang baik dan benar dan sejauhmana ia dapat difahami oleh pemikiran manusia (Mohd Zain, 2023; Muhammad Azhar, 2024).

22. Konsep Etika Dalam Kehidupan

Dalam kehidupan sehari-hari, etika merujuk kepada suatu perbuatan standard (*standard of conduct*) yang memimpin individu dalam melakukan sesuatu samada benar atau salah. Etika berkaitan dengan kebiasaan hidup seseorang individu mahupun masyarakat yang baik dan biasa diamalkan. Kebiasaan ini diturunkan dari satu generasi ke generasi berikutnya dan kemudian menjadi kaedah, peraturan atau norma yang diajarkan dalam masyarakat. Etika turut difahami sebagai ajaran yang mengatur perilaku manusia samada melalui perintah yang harus diikuti mahupun larangan yang harus dihindari (Muhammad Azhar, 2024).

Imam al-Ghazali Rahimahullah (1058 M-1111 M), seorang tokoh pemikir Islam, menyatakan etika sebagai akhlak yang mempunyai pengertian yang sangat luas dan mencakupi segala aspek kehidupan. Etika berkaitrapat dengan sikap dan tingkahlaku seseorang individu terhadap Tuhannya, sesama manusia dan antara manusia dengan alam. Konsep etika juga berkaitrapat dengan nilai. Nilai merupakan suatu prinsip umum yang menyediakan anggota masyarakat dengan ukuran atau standard untuk membuat pengadiln dan pemilihan berkaitan tindakan serta matlamat tertentu. Hal ini kerana dalam proses pemilihan sesuatu perkara, setiap individu dipengaruhi oleh sistem nilai, etika, minat serta pengalaman. Oleh itu, perlu difahami juga bahawa etika turut tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat kerana persoalan etika adalah suatu komponen sosiopolitik yang mencorakkan dasar awam (Mahayudin, 2009).

Sila tonton video berikut;



One or more interactive elements has been excluded



from this version of the text. You can view them online
here: [https://openbook.ums.edu.my/
asaspemikiranfalsafah/?p=188#oembed-1](https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=188#oembed-1)

“What is Ethics” by The Ethics Centre 2020 is licensed under CC BY
4.0

23. Rumusan

Etika adalah salah satu cabang dalam falsafah moral yang berkaitrapat dengan perlakuan atau perbuatan seseorang dalam mengendalikan sesuatu keadaan, situasi atau cabaran. Menjalani kehidupan yang beretika memberikan manfaat bukan sahaja kepada diri sendiri malah kepada orang sekeliling (Ateerah & Zuriati, 2023). Perlu diketahui bahawa perbincangan teori-teori etika dan moral berasaskan falsafah moral telah lama dicetuskan sejak zaman Yunani melalui ahli-ahli falsafah terkenal seperti Socrates, Aristotle dan Plato. Prinsip utama yang menjadi garis panduan kepada pemikiran teori etika dan moral tersebut adalah pemikiran rasional (Mohd Zain, 2023). Ringkasnya, falsafah dan pemikiran merupakan salah satu komponen yang membentuk etika.

PART VII

POLITIK

Objektif Pembelajaran

Pada akhir penulisan ini, anda akan dapat :

- menyatakan konsep politik
- menjelaskan perkembangan ideologi falsafah dalam politik
- merumuskan kefahaman berkaitan politik

24. Konsep Politik

Politik berkaitrapat dengan aspek kebebasan, keadilan, persamaan dan hak (Andrew Heywood, 2017). Perkataan politik berasal dari bahasa Yunani iaitu *polis* yang merujuk kepada 'kota yang memiliki status negara'. Istilah politik didefinisikan sebagai satu siri kegiatan yang bertujuan untuk merumus dan melaksanakan tujuan-tujuan dari suatu sistem. Secara keseluruhan, politik adalah kajian tentang kekuasaan merangkumi hubungan antara sesama warganegara (rakyat), antara warganegara dan negara serta hubungan antara negara. Dalam pengertian yang lebih umum, politik mencakupi kepelbagaian kegiatan dalam suatu sistem politik atau negara yang berkaitan dengan proses menetapkan dan menjalankan tujuan sistem tersebut. Kegiatan tersebut meliputi i) pengambilan keputusan (berkaitan dengan penetapan tujuan sistem tersebut) serta ii) kebijaksanaan awam (merangkumi sumbangan dan nilai-nilai dalam masyarakat. Untuk memmanifestasikan kebijaksanaan tersebut, suatu kuasa diperlukan bagi tujuan koordinasi kerjasama dan menangani konflik yang timbul. Politik juga berkaitan dengan pendekatan untuk menganalisis fenomena politik dalam masyarakat (Muhammad Azhar, 2024). Ringkasnya, politik berperanan sebagai sebuah sistem kepimpinan untuk mentadbir kehidupan manusia yang didasari oleh falsafah pemikiran. Falsafah melahirkan ideologi berpandukan akal fikiran yang rasional dalam menentukan bentuk organisasi sosial dan sebagainya.

Uji Kefahaman Anda



An interactive H5P element has been excluded from this version of the text. You can view it online here:

[https://openbook.ums.edu.my/
asaspemikiranfalsafah/?p=85#h5p-12](https://openbook.ums.edu.my/asaspemikiranfalsafah/?p=85#h5p-12)

25. Perkembangan Ideologi Falsafah dalam Politik

Politik tidak dapat dipisahkan dengan ideologi serta falsafah pemikiran kerana falsafah itu sendiri sifatnya adalah menjangkau aspek intelektual manusia (Sajjad, 2012). Dalam perkembangan falsafah, Revolusi Sains yang berlaku di Eropah pada abad ke-17 hingga abad ke-18 Masihi menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh seperti Francis Bacon dan Immanuel Kant bersama idea untuk memantapkan metodologi saintifik (Mohd Syahmir, 2016). Kejayaan sains dan kaedah saintifik berteraskan penggunaan kaedah empirikal dan rasional dalam pencapaian ilmu manusia pada masa itu mencetuskan satu anjakan dan keyakinan untuk mencipta suatu kehidupan dan masyarakat baru. Ciri-ciri lama dalam masyarakat *Medieval* yang berteraskan keagamaan mula ditinggalkan oleh para pemikir moden yang didasari oleh gerakan *Enlightenment*. Zaman *Enlightenment* atau zaman pencerahan adalah rentetan dari zaman *Renaissance* yang berasaskan keagamaan. Para pemikir era tersebut seperti Rene Descartes, Charles Montesquieu, Jacques Rousseau, John Locke dan Thomas Hobbes mendalami falsafah rasionalisme yang dipelopori oleh ahli falsafah Yunani seperti Socrates, Plato dan Aristotle. Pegangan tersebut menjadikan mereka mempersoalkan kewajaran bergantung kepada kepercayaan agama semata-mata dengan pandangan bahawa masyarakat sebaliknya perlu digalakkan untuk berfikir dan membuat penaaakulan secara empirikal dan sistematik (Mohd Zain, 2023).

Setengah ahli falsafah menyatakan fahaman ini diteruskan dengan *The Enlightenment Project* dengan adanya kejayaan sains dan pencapaian dalam bidang fizik, astronomi, kimia dan sebagainya yang mengukuhkan lagi pandangan ahli-ahli falsafah seperti ini. Mereka beranggapan bahawa menerusi akal fikiran yang rasional, ilmu sains dan kaedah saintifik, sesuatu kejayaan dan pencapaian

dalam kehidupan seharusnya dicipta atas dasar kemanusiaan dan tidak lagi atas dasar keagamaan. Keyakinan ini diteruskan di abad ke-20 dengan kemunculan ahli-ahli falsafah baru seperti Bertrand Russell dan Karl Popper. Bidang sains menjadi kayu ukur kebenaran dalam semua bidang pengetahuan dan aspek kehidupan. Konsep modenisasi terus berkembang di Eropah dalam pelbagai aspek merangkumi ekonomi dan sosial termasuklah dalam bidang politik. Ia tercetus menerusi aspirasi golongan cendekiawan terhadap penyatuan kerajaan, penciptaan negara serta hak yang lebih bagus untuk golongan kebanyakan dalam usaha menggantikan kekuasaan golongan gereja dan aristokrat ternama. Kemuncak era ini adalah Revolusi Perancis yang tercetus pada tahun 1789 dengan slogan '*liberty, equality and fraternity*' (kebebasan, kesamaan dan persaudaraan) dalam usaha mengubah sistem aristokrat Perancis dan menegaskan kuasa serta kehendak rakyat (Mohd Zain, 2023).

26. Rumusan

Pada era moden kini, politik dan pemikiran falsafah terus berubah seiring dengan cabaran baru seperti isu globalisasi ekonomi, perubahan iklim dan hak asasi manusia. Politik bukanlah sekadar soal pemerintahan dan kuasa untuk mengurus organisasi sosial, tetapi politik juga merupakan perjuangan intelektual untuk menentukan bagaimana masyarakat yang adil, inteligen dan berfungsi boleh diwujudkan.

PART VIII
PENUTUP

27. Rumusan

Falsafah bukan sahaja berfungsi sebagai satu bentuk pemikiran mendalam, tetapi juga sebagai asas penting bagi pelbagai disiplin ilmu pengetahuan. Menerusi kajian terhadap aspek logik, metafizik, epistemologi, etika dan politik, kita dapat mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kehidupan, kewujudan, dan realiti. Falsafah menggalakkan kita untuk terus mempersoalkan, menganalisis serta mencari kebenaran melalui pelbagai pendekatan yang rasional dan kritis. Logik sebagai contoh, menyediakan alat yang penting untuk membuat inferens yang berasas dan mencapai kesimpulan yang beralasan. Pemahaman tentang metafizik pula menyediakan landasan untuk menilai hakikat kewujudan serta hubungan antara manusia, alam, dan Tuhan. Epistemologi sebagai cabang falsafah yang mengkaji sifat dan asal usul pengetahuan membantu kita mendepani isu-isu kontemporari dengan lebih berkesan dan membuat keputusan yang lebih baik. Seterusnya kupasan tentang etika membimbing dalam mengaplikasikan perilaku dan sikap yang baik berpandukan asas serta prinsip yang membentuk tingkah laku manusia manakala perbincangan berkaitan politik menjadi panduan dalam mengurus organisasi sosial di samping meningkatkan lagi ilmu pengetahuan.

Secara keseluruhannya, menghargai falsafah adalah menghargai kemajuan intelektual dan kebijaksanaan manusia sepanjang sejarah. Ia mengajar kita untuk sentiasa berfikir secara kritis dan analitikal, di samping memahami dan menghadapi kehidupan dengan lebih bijaksana. Menelusuri arus dunia semasa yang semakin kompleks, nilai falsafah tetap relevan dan amat diperlukan dalam pembentukan identiti dan pandangan hidup setiap individu.

Glosari

Epistemologi

Kajian tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan serta kebenaran sesuatu perkara.

Etika

Norma dan nilai yang membentuk perilaku yang menjadi pegangan seseorang individu atau kumpulan

Falsafah

Asas kepada segala ilmu pengetahuan

Logik

Kajian yang merujuk kepada cara berfikir dan menghasilkan kesimpulan

Metafizik

Kajian mengenai sesuatu yang berada di luar alam fizikal

Politik

Kajian tentang sistem kemasyarakatan yang berkaitan dengan aspek kebebasan, keadilan, persamaan dan hak

Bibliografi

Abdul Jalil Hassan. 1989. *Falsafah dan Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Latif Samian. 1993. *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Andrew Heywood. 2017. *Political Ideologies An Introduction*. London : Palgrave.

Ateerah Abdul Razak & Zuriati Mohd Rashid. 2023. *Pengenalan Penghayatan Etika dan Peradaban dalam Acuan Malaysia*. Dlm. *Penghayatan Etika dan Peradaban*. Ateerah Abdul Razak, Nur Azuki Yusuff & Zaleha Embong. Universiti Malaysia UMK : Penerbit UMK.

Awang Sariyan. 2007. *Falsafah dan Logika Melayu*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Daniel Howard-Snyder & John O'Leary-Hawthorne. 1998. Transworld Sanctity and Plantinga's Free Will Defense. In *International Journal for Philosophy of Religion*. 44 : 1-21.

Douglas N. Walton. 1990. What is Reasoning? What Is an Argument? *The Journal of Philosophy*. 87 (8) : 399-419.

George H. Smith. 1979. *Atheism : The Case Against God*. New York : Prometheus Books.

Hashim Musa. 2001. *Falsafah, Logik, Teori Nilai dan Etika Melayu*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Idris Zakaria. 1991. *Teori Politik Al-Farabi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

James Garvey & Jeremy Stangroom. 2012. *The Story of Philosophy*. New York : Quercus Publishing.

Kamal Azmi Abd. Rahman. 2015. Kecelaruhan Nilai dalam Falsafah Etika. *Jurnal Pengajian Islam*. 8 (1) : 133-136.

Mahayudin Haji Yahaya. 2009. *Sejarah Politik dan Sosiobudaya Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Marcus Weeks, Roxana Baiasu, Robert Fletcher, Andrew Szudek

& Marianne Talbot. 2019. *How Philosophy Works*. United States : Darling Kindersley Publishing.

Mohd Annas Shafiq Ayob. 2019. Pemikiran Kebahagiaan dalam Tamadun Yunani Klasik 470 S.M-529 M : Satu Analisis Ringkas. *Jurnal Peradaban*. 12 : 1-25.

Mohd Syahmir Alias. 2022. Dialektika Tokoh Tokoh Falsafah Barat Zaman Revolusi Sains Mengenai Sains dan Nilai. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 3 (3) : 1-8.

Mohd Zain Mubarak. 2023. Konsep Etika dan Peradaban. Dlm. *Penghayatan Etika dan Peradaban*. Ateerah Abdul Razak, Nur Azuki Yusuff & Zaleha Embong. Universiti Malaysia UMK : Penerbit UMK.

Muhammad Azhar Latif. 2024. Pengertian Etika Politik Serta Pendapat Ibnu Taimiyah. *Jurnal Kajian Agama dan Dakwah*. 4 (1) : 1-8.

P.D. Magnus, Tim Button, J. Robert Loftis, Robert Trueman, Aaron Thomas-Bolduc & Richard Zach. 2020. *forall x: Calgary an Introduction to Formal Logic*. University of Calgary : Taylor Institute for Teaching and Learning.

Sajjad H. Rizvi. 2012. Philosophy As a Way of Life in The World of Islam : Applying Hadot to The Study of Mulla Sadra Shirazi (1635). *Bulletin of School of Oriental and African Studies*. 75 (1) : 33-45.

Shaharir Mohamad Zain. 2018. *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi : Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI).

William Lane Craig & James D. Sinclair. 2009. The Kalam Cosmological Argument. In *The Blackwell Companion to Natural Theology*. Blackwell Publishing Ltd.

William Palley. 1829. *Natural Theology : Or Evidence of the Existence and Attributes of The Deity*. Boston : Lincoln & Edmunds.